



MONOGRAF

PLANMalaysia@Melaka 2020



PLANMalaysia@Melaka



KULIT REPORT



MONOGRAF
PLANMalaysia@Melaka
2020

SIDANG REDAKSI

Penasihat :

- TPr. Md. Nazri bin Abdullah

Editor :

- En. Mohd Rizal bin Othman

Pengarang :

- En. Mohd Fahrurazi bin Ahmad Suleiman
- Pn. Syafini binti Mohamad Yasin

Setiausaha :

- En. Muhammad Hazam bin Dusuki

Grafik & Fotografi :

- Cik Norfaiza binti Talip
- Pn. Norliza binti Osman
- Pn. Maznah binti Abd Jaleb @ Abd Jalil
- Pn. Norhapiza binti Abu Kassim

PLANMalaysia@Melaka

Perancangan Melangkaui Kelaziman

Planning Beyond Conventional

<http://www.jpbdmelaka.gov.my>

Tahun Terbitan : 2020

Isi Kandungan

□ Perutusan YAB Ketua Menteri Melaka	1
□ Sekapur Sirih YB Datuk Seri SUK	2
□ Prakata Pengarah	3

1.0 Pengenalan

1.1 Tujuan	5
1.2 Dasar Kualiti	5

2.0 Latar Belakang

2.1 Latar Belakang Jabatan	7
----------------------------	---

3.0 Visi, Misi dan Objektif Jabatan

3.1 Visi	10
3.2 Misi	10
3.3 Objektif	10

4.0 Fungsi Jabatan

4.1 Senarai Fungsi Jabatan	12
----------------------------	----

5.0 Produk Jabatan

5.1 Rancangan Struktur Negeri (RSN) Melaka 2035	15
5.2 Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (RTMBMB) 2035 (Penggantian)	18
5.3 Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara - Pengkalan Balak	21
5.4 Penerbitan Monograf Jabatan : Agenda Perbandaran Baharu (<i>New Urban Agenda</i>)	24
5.5 Buletin Tahunan Jabatan	29
5.6 <i>Coffee Table Book</i> (CTB) Imej Bandar Masjid Tanah, Alor Gajah	32
5.7 Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka Edisi 2	38
5.8 Data Spatial Sempadan MPKK dan Kampung Negeri Melaka	45
5.9 Guna Tanah Semasa Negeri Melaka 2019	52
5.10 Aplikasi MeLGIS (<i>Melaka Geographic Information System</i>)	55
5.11 Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ)	59

6.0 Penutup

6.1 Kesimpulan	64
6.2 Penghargaan dan Terima Kasih	66



PERUTUSAN YAB KETUA MENTERI MELAKA



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT kerana dengan rahmat dan keizinan-Nya, monograf ini dapat diterbitkan dengan jayanya oleh PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka).

Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Melaka bermula pada tahun 1960 apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Kampung Negeri Melaka ditubuhkan. Jabatan ini telah dikembangkan dengan tertubuhnya pejabat cawangan di Jalan Laksamana. Pada tahun 1977, bermulalah detik sejarah apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka ditubuhkan untuk menggantikan cawangan tersebut.

Saya melihat fungsi PLANMalaysia@Melaka dalam membangunkan Negeri Melaka adalah sangat menyerlah dan banyak membuah hasil yang positif terutama fungsi PLANMalaysia@Melaka sebagai penasihat kepada kerajaan Negeri Melaka menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka. Selain itu juga, PLANMalaysia@Melaka telah menyediakan berbagai garis panduan serta dasar-dasar perancangan selaras dengan kehendak membawa Melaka sebagai sebuah negeri yang terurus dan teratur, membangun dengan perancangan yang betul selaras dengan wawasan Melaka sebagai sebuah negeri maju.

Diharapkan dengan penerbitan monograf ini dapat membuka minda masyarakat Malaysia khususnya dalam bidang Perancangan Bandar serta memacu pembangunan Negeri Melaka. Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menerbitkan monograf ini. Semoga jabatan lain juga dapat mengikut jejak serta menjadikan ia suatu jambatan penghubung hasrat kerajaan kepada rakyat sepertimana yang diharapkan dan sentiasa diberkati oleh Allah SWT.

Salam hormat,

DATUK SERI UTAMA (Dr.) HAJI SULAIMAN BIN MD. ALI
Ketua Menteri Melaka





SEKAPUR SIRIH YB DATUK SERI SUK



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**



Sudah sedia maklum, penjawat awam adalah nadi dan sumber inspirasi perkhidmatan awam negara serta penentu kejayaan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Semua penjawat awam perlulah sentiasa bersikap profesional dan juga perlu berfikir di luar kotak dalam mencari idea-idea baharu bagi memastikan tahap keberhasilan perkhidmatan yang diberikan oleh kerajaan dapat dirasai oleh semua genap rakyat.

Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi mencapai matlamat utama dalam membina dan mengurus negeri Melaka ke arah Melaka Maju Jaya, serta akan memenuhi harapan dan kehendak daripada rakyat.

Selain daripada itu juga, ianya sedikit sebanyak dapat membantu dalam merubah lanskap kehidupan masyarakat di negeri Melaka ke arah masyarakat yang maju dengan pemikiran sepertimana di negara maju. Saya juga berharap dengan adanya monograf ini, ianya dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing.

Tahniah dan syabas kepada PLANMalaysia@Melaka kerana berjaya menghasilkan monograf yang sangat komprehensif dan di luar kelaziman perancangan bandar. Sekian terima kasih.

Salam hormat,

DATUK SERI DR. HASIM BIN HASAN
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka



PRAKATA PENGARAH



Salam Hormat

**“ Melakaku Maju Jaya
Rakyat Bahagia
Menggamit Dunia”**



Alhamdulillah setinggi-tinggi syukur kehadiran Ilahi kerana PLANMalaysia@Melaka telah berjaya menghasilkan dan menerbitkan monograf ini. Dengan kerjasama semua kakitangan terutamanya ketua-ketua unit di Jabatan ini selaras dengan wawasan Kerajaan Negeri.

Secara amnya, PLANMalaysia@Melaka berperanan penting sebagai penasihat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam urusan perancangan dan pembangunan spatial melalui aktiviti-aktiviti penyediaan rancangan pembangunan, kawalan pembangunan dan penyediaan pelan-pelan susunatur bagi kawasan-kawasan perkampungan, perumahan, perindustrian, pelancongan dan sebagainya. Perkembangan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri dapat dilihat berdasarkan kepada penglibatan serta keanggotaannya di dalam berbagai jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kerajaan tempatan.

Siri terbitan monograf ini merupakan satu bahan rujukan yang disediakan secara khusus mengenai produk atau input PLANMalaysia@Melaka yang terperinci untuk membantu pihak-pihak yang berkenaan khususnya di dalam bidang perancangan bandar dan desa dan bidang-bidang yang berkaitan dalam membuat perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka bagi menjadikan Negeri Melaka sebagai negeri selaras dengan slogan Kerajaan untuk menjadikan Negeri Melaka sebagai “Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia”.

Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai PLANMalaysia@Melaka yang terlibat dalam membantu dan menjayakan penerbitan monograf ini.

Sekian,

TPr. MD. NAZRI BIN ABDULLAH
Pengarah PLANMalaysia@Melaka

1.0 PENGENALAN



PLANMalaysia@Melaka

جائزہ فریڈیشن بندر دان دیسانکے
PERANCANGAN BANDAR
DESA NEGERI MELAKA



بجاءت كلابران
PEJABAT PENTADBIRAN
اوت-اوت-تكتكال
UNIT-UNIT TEKNIKAL

1.0

1.1 TUJUAN

*M*onograf adalah sebutan lain untuk buku, dan digunakan untuk membezakan terbitan tersebut dengan terbitan bersiri. Monograf berisi satu topik atau sejumlah topik (subjek) yang berkaitan, dan telah disediakan oleh Unit Pengurusan Korporat dan Keurusetiaan, PLANMalaysia@Melaka.

Monograf pada tahun ini (Edisi 2020) menceritakan tentang **produk-produk jabatan** yang telah berjaya diterbitkan oleh Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Penghasilan monograf dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Penerbitan Monograf ini juga dapat membuka minda masyarakat khususnya di dalam bidang Perancangan Bandar dan Desa.

1.2 DASAR KUALITI

PLANMalaysia@Melaka komited untuk memberi perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang memenuhi keperluan pelanggan serta meningkatkan secara berterusan kualiti perkhidmatan melalui pencapaian dan penambahbaikan objektif kualiti. Pengurusan atasan PLANMalaysia@Melaka perlulah memastikan Dasar Kualiti sentiasa :

- Bersesuaian dengan hala tuju Pengurusan PLANMalaysia@Melaka
- Difahami oleh warga kerja PLANMalaysia@Melaka
- Dibincangkan dan dikaji semula dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (sekurang-kurangnya sekali setahun) untuk memastikan kepuasan pelanggan tercapai secara berterusan
- Melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan sistem pengurusan kualiti secara berterusan sejajar dengan keperluan semasa Sistem Pengurusan Kualiti PLANMalaysia@Melaka

2.0

LATAR BELAKANG

PLANMalaysia@Melaka

جائزہ فریڈیشن بندر دان دیسا نئے
PERANCANGAN BANDAR
DESA NEGERI MELAKA



بجایات تداریران
PEJABAT PENTADBIRAN

ایونٹ-ایونٹ تکنیکال
UNIT-UNIT TEKNIKAL



2.1 LATAR BELAKANG JABATAN



Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Negeri Melaka atau kini dikenali sebagai **PLANMalaysia@Melaka** bermula pada tahun 1960 apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Kampung Negeri Sembilan/ Melaka ditubuhkan di Seremban.

Pada September 1973, Jabatan ini telah dikembangkan dengan tertubuhnya pejabat cawangan di Jalan Laksamana.

Tanggal 1 Januari 1977, bermulalah detik sejarah apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka ditubuhkan untuk menggantikan cawangan tersebut. PLANMalaysia@Melaka kini terletak di dalam Bangunan Wisma Negeri, Melaka.

Lokasi bangunan ini adalah di kawasan *Melaka International Trade Centre*, Ayer Keroh, Melaka yang menempatkan pelbagai agensi dan jabatan kerajaan.

اوبنت معلومات كوناام نكري
UNIT MAKLUMAT GUNATANAH NEGERI



جباتن فرانچن بندر دان ديسا نكري ملاك
JABATAN PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA NEGERI MELAKA



تجارت قنلابران
PEJABAT PENTADBIRAN
اوبنت-اوبنت تكيكل
UNIT-UNIT TEKNIKAL



Secara amnya, PLANMalaysia@Melaka berperanan penting sebagai penasihat kepada kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain dalam urusan perancangan dan pembangunan spatial melalui aktiviti-aktiviti penyediaan rancangan pembangunan, kawalan pembangunan dan penyediaan pelan-pelan susunatur bagi kawasan-kawasan perbandaran dan desa seperti perumahan, perniagaan, perindustrian, pelancongan dan sebagainya.

Perkembangan fungsi dan tanggungjawab Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka dapat dilihat berdasarkan kepada penglibatan serta keanggotaannya di dalam berbagai jawatankuasa di peringkat persekutuan, negeri, daerah dan kerajaan tempatan.

3.0

VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN



3.0 VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN

3.1 VISI

“Menjadi Peneraju Perancang Bandar dan Desa ke arah Mewujudkan Persekitaran Kehidupan yang Berkualiti, Sejahtera dan Mampan Menjelang 2035”

3.2 MISI

“Memacu Perancangan Fizikal Negeri Melalui Pelaksanaan dan Pemantauan Perancangan Pembangunan yang Komprehensif, Sistemik dan Inovatif”

3.3 OBJEKTIF

- a) Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat Negeri Melaka.
- b) Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan kemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta 172 dan Akta berkaitan.
- c) Untuk menggubal dan melaksanakan kaedah – kaedah di bawah Akta 172, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian berkesan oleh semua agensi di peringkat pelaksanaan.
- d) Untuk menjadi penasihat utama dalam perancangan bandar dan desa kepada Kerajaan Negeri dan PBPT serta agensi berkaitan.
- e) Merancang, melaksana dan menyelaraskan aktiviti pentadbiran dan pengurusan kewangan dengan cekap, tepat dan sempurna.

4.0

FUNGSI JABATAN



PLANMalaysia@Melaka

جائزہ فریڈرک بنڈر دان دیسانکے
IBATAM PERANCANGAN BANDAR
DAN DESA NEGERI MELAKA




IBATAM
PEJABAT PENTADBIRAN
IBATAM
UNIT-UNIT TEKNIKAL



PLANMalaysia@Melaka

4.1 SENARAI FUNGSI JABATAN

Berikut merupakan senarai fungsi bagi Jabatan PLANMalaysia@Melaka :



5.0

PRODUK JABATAN



PLANMalaysia@Melaka

جائزہ فریڈیشن بندر دان دیسانکے
JAWABAN PERANCANGAN BANDAR
DESA NEGERI MELAKA



بجایات کلابیران
PEJABAT PENTADBIRAN
اوبت-اوبت تکمال
UNIT-UNIT TEKNIKAL



PLANMalaysia@Melaka

5.0 PRODUK JABATAN

PRODUK

PLANMalaysia@Melaka telah berjaya menghasilkan beberapa produk yang bermanfaat terutamanya berkaitan bidang perancangan bandar dan desa. Produk-produk ini memberi manfaat kepada masyarakat, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta. Data-data yang telah dihasilkan boleh dijadikan sebagai panduan atau rujukan terhadap sesuatu perancangan pembangunan.

Berikut merupakan senarai produk jabatan yang telah dihasilkan oleh PLANMalaysia@Melaka :

- 01 Rancangan Struktur Negeri (RSN) Melaka 2035
- 02 Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (RTMBMB) 2035 (Penggantian)
- 03 Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara - Pengkalan Balak
- 04 Penerbitan Monograf Jabatan : Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*)
- 05 Buletin Tahunan Jabatan
- 06 *Coffee Table Book* (CTB) Imej Bandar Masjid Tanah, Alor Gajah
- 07 Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka Edisi 2
- 08 Data Spatial Sempadan MPKK dan Kampung Negeri Melaka
- 09 Guna Tanah Semasa Negeri Melaka 2019
- 10 Aplikasi MeLGIS (*Melaka Geographic Information System*)
- 11 Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ)

5.1 RANCANGAN STRUKTUR NEGERI (RSN) MELAKA 2035

a) Pengenalan

Rancangan Struktur Negeri (RSN) merupakan dokumen utama peringkat Negeri yang menyediakan rangka kerja dasar perancangan bagi menentukan halatuju dan mengawal pembangunan fizikal Negeri sebagaimana peruntukan seksyen 8, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172). Peruntukan di bawah seksyen 11, Akta 172 pula menyatakan RSN ini juga tertakluk kepada kajian semula setiap lima tahun seiring dengan kajian semula rancangan pembangunan lima tahun Negeri.

Rancangan Struktur Negeri Melaka 2035 (RSN Melaka 2035) ini disediakan bagi menggantikan RSN Melaka 2020 yang telah diwartakan pada 13 Oktober 2005. Penggantian ini dilaksanakan bagi menilai dan memastikan dasar strategi dan halatuju pembangunan RSN ini sentiasa berdaya laksana terutamanya bagi memastikan kesinambungan dan kemampuan polisi pembangunan negeri. Oleh itu, RSN Melaka 2035 ini telah diluluskan dan diterima oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka Bil 36/2017 pada 12 Disember 2017. Kini, RSN Melaka 2035 ini telah diwartakan pada 16 Ogos 2018 dan sah untuk dijadikan bahan rujukan utama dalam merancang pembangunan masa hadapan.

b) Tujuan

Berdasarkan subseksyen 11, Akta 172, perubahan atau kajian semula kepada sesuatu Rancangan Struktur hendaklah dibuat setiap 5 tahun seiring dengan penyediaan rancangan pembangunan lima tahun negeri. Walau bagaimanapun, perubahan kepada keseluruhan atau Rancangan Struktur boleh dibuat atas sebab-sebab berikut:

- i. Arahan daripada Jawatankuasa Perancang Negeri;
- ii. Terdapat perubahan kepada dasar-dasar sektor berkaitan; dan
- iii. Terdapat perubahan kepada corak pembangunan negeri.

c) Objektif

Membentuk hala tuju pembangunan Negeri Melaka dengan mengambilkira hasrat dan arah tuju yang digariskan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

d) Manfaat


Menjadi panduan dan rujukan kepada semua agensi kerajaan Negeri Melaka dan pihak-pihak yang berkepentingan dalam merancang dan menilai program pembangunan yang akan dilaksanakan kelak.

Sasaran Populasi RSN Melaka 2035:




Pencapaian Penduduk Semasa 947,600

Sasaran KDNK Per Kapita:



Kadar Purata Pertumbuhan Tahunan (KPPT) adalah **7.1%** sehingga tahun 2035


Kedatangan Pelancong:



Unjuran Kedatangan Pelancong (Termasuk Pelawat) ke Negeri Melaka 2015-2035

Sasaran - 25 juta pelancong (termasuk pelawat) ke Negeri Melaka (tahun 2035).


Sasaran Kadar Penembusan Jalur Lebar:




Sasaran Kadar Kemiskinan:




Sasaran Keperluan Perumahan:



Sasaran Keperluan Kawasan Industri:



Sasaran Indikator Perhubungan:



5.2 DRAF RANCANGAN TEMPATAN MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH 2035 (PENGGANTIAN)

a) Pengenalan

Rancangan Tempatan (RT) adalah satu pernyataan bertulis yang mengandungi suatu peta dan suatu pernyataan bertulis yang disokong oleh garis panduan pelaksanaan sepertimana yang digariskan dalam Subseksyen 12(3), Akta 172.

RTMBMB 2035 (Penggantian) disediakan bagi menggantikan Rancangan Tempatan (RT) yang telah tamat tempoh iaitu RTD Melaka Tengah 2015 dan RTD Melaka Tengah 2015 (Penggubahan). Rancangan Tempatan (RT) Penggantian yang disediakan ini juga merujuk kepada penambahbaikan pelan pembangunan kawasan serta sektor-sektor pembangunan tertentu terhadap RT sediaada bagi tujuan kawalan perancangan sebagaimana peruntukan subseksyen 16(3) (Akta 172).

b) Tujuan

Penggantian RT adalah penting dalam memenuhi beberapa aspek yang meliputi keperluan perundangan, kawalan pembangunan, keperluan setempat dan impak pembangunan terhadap Kawasan RTMBMB 2035 (Penggantian) dalam mewujudkan sebuah Bandaraya yang Pintar, Berdaya, Dinamik dan Mampan.

- i. Tamat tempoh perancangan
- ii. Menterjemahkan dasar dan menerapkan konsep-konsep pembangunan baru
- iii. Tekanan pembangunan kawasan bersebelahan
- iv. Persempadanan semula dan perluasan kawasan pentadbiran PBT

c) Objektif

- i. Merancang dan mempertingkatkan fungsi Bandaraya Melaka sebagai Bandaraya Negeri
- ii. Penstrukturan semula guna tanah dalam Kawasan MBMB
- iii. Mewujudkan destinasi pelancongan yang berprestij
- iv. Pembangunan terkini yang lebih hijau dan mampan
- v. Pengurusan sumberjaya lestari
- vi. Tadbir urus yang lebih cekap, sistematik dan efisien

d) Manfaat

Mencapai matlamat Bandaraya Melaka sebagai sebuah **Bandaraya Pintar, Berdaya, Dinamik dan Mampan** menjelang tahun 2035.



SATU HALATUJU ENAM LANGKAH PERDANA

Enam Langkah Perdana (6 Big Moves) merupakan satu rangka kerja yang holistik dan terperinci bagi memandu pembangunan MBMB ke arah pembangunan bandaraya pintar, dinamik dan mampan. Big Moves ini akan memacu strategi pembangunan fizikal MBMB melalui terjemahan dasar diperingkat global, negara dan wilayah serta penyelesaian isu-isu semasa dan potensi pembangunan.



Big Moves 1

BANDARAYA PINTAR DAN BERDAYA SAING

13 STRATEGI PEMBANGUNAN

22 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL

Big Moves 2

DESTINASI PELANCONGAN BERPRESTIJ

15 STRATEGI PEMBANGUNAN

28 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL

Big Moves 3

BANDARAYA BERDAYA HUNI DAN BERIDENTITI

10 STRATEGI PEMBANGUNAN

34 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL

Big Moves 4

KEMAMPUAN PENGURUSAN SUMBERJAYA

7 STRATEGI PEMBANGUNAN

31 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL

Big Moves 5

BANDARAYA SIHAT AKTIF DAN SELAMAT

5 STRATEGI PEMBANGUNAN

22 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL


Big Moves 6

PRASARANA DINAMIK DAN EFISIEN

7 STRATEGI PEMBANGUNAN

56 TINDAKAN STRATEGIK SEKTORAL

KONSEP PEMBANGUNAN RTMBMB 2035 (PENGANTIAN)



GUNA TANAH CADANGAN (2035)

RTMBMB 2035 (PENGGANTIAN)

Secara keseluruhannya, daripada jumlah keseluruhan kawasan MBMB (57,955.50 Hektar), 58.79% adalah kawasan laut iaitu kawasan 3 batu nautika perairan Melaka Tengah. Merujuk kepada guna tanah tepu bina pula terdapat pertambahan pada tahun 2035 dengan peningkatan sehingga **21,185.45 hektar** berbanding tahun 2018 (peningkatan keluasan sebanyak 7,958.21 hektar atau 22.82%). Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh pertambahan penduduk dan kepesatan pembangunan dalam kawasan MBMB.

GUNA TANAH TEPU BINA

2018	2035	
PERUMAHAN 4,512.76 Ha. (7.79%)	PERUMAHAN 12,978.51 Ha. (22.39%)	= +14.60%
PERNIAGAAN & PERKHIDMATAN 530.91 Ha. (0.92%)	PERNIAGAAN & PERKHIDMATAN 3,223.94 Ha. (5.56%)	= +4.64%
INDUSTRI 896.98 Ha. (1.55%)	INDUSTRI 2,282.76 Ha. (3.94%)	= +2.39%
INSTITUSI & KEMUDAHAN MASYARAKAT 1,553.57 Ha. (2.68%)	INSTITUSI & KEMUDAHAN MASYARAKAT 2,217.03 Ha. (3.83%)	= +1.15%
KAWASANA LAPANG & REKREASI 444.00 Ha. (0.80%)	KAWASANA LAPANG & REKREASI 483.22 Ha. (0.83%)	= +0.03%

RIZAB PENGANGKUTAN & INFRASTRUKTUR


PENGANGKUTAN & PERHUBUNGAN 2,533.98 Ha. (4.37%)	PENGANGKUTAN & PERHUBUNGAN 2,803.92 Ha. (4.84%)	= +0.47%
INFRASTRUKTUR & UTILITI 361.41 Ha. (0.62%)	INFRASTRUKTUR & UTILITI 415.04 Ha. (0.72%)	= +0.10%

RIZAB HUTAN & BADAN AIR

HUTAN 20.57 Ha. (0.04%)	HUTAN 52.89 Ha. (0.09%)	= +0.05%
SUNGAI 670.41 Ha. (1.16%)	SUNGAI 619.76 Ha. (1.07%)	= -0.11%
LAUT DAN PANTAI 33,383.76 Ha. (57.60%)	LAUT DAN PANTAI 30,203.66 Ha. (52.12%)	= -5.48%

LAIN-LAIN GUNA TANAH

PERTANIAN 10,062.69 Ha. (17.36%)	PERTANIAN 2,683.58 Ha. (4.63%)	= -12.73%
TANAH KOSONG 2964.46 Ha. (5.12%)	TANAH KOSONG 0.00 Ha. (0.00%)	= -5.12%



5.3 DRAF RANCANGAN KAWASAN KHAS (RKK) TANJUNG BIDARA - PENGKALAN BALAK

a) Pengenalan

Rancangan Kawasan Khas (RKK) adalah suatu bentuk rancangan pemajuan ke atas suatu kawasan yang dipilih secara khusus bagi tujuan perancangan, pembangunan dan pengurusan sesuatu kawasan tersebut. Hasil utama RKK adalah Pelan Tindakan Pembangunan dan Garis Panduan Khusus serta disokong oleh Pelan Pengurusan Pelaksanaan.

Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara – Pengkalan Balak merupakan rancangan pemajuan yang menghasilkan pelan tindakan pembangunan yang komprehensif dan praktikal melalui perancangan fizikal dan pembangunan spatial yang mampan, moden, berdaya saing dan menarik bagi tujuan pelaksanaan.

b) Tujuan

RKK mengandungi cadangan-cadangan tindakan khusus yang terperinci bagi tujuan sama ada untuk memajukan, memajukan semula, memperelokkan lagi, memulihara atau bagi tujuan pengurusan kawasan berkenaan. RKK boleh disediakan semasa penyediaan atau setelah berkuatkuasanya sesuatu Rancangan Struktur atau Rancangan Tempatan. Terdapat lima kategori kawasan yang memerlukan penyediaan RKK dan kajian RKK Tanjung Bidara – Pengkalan Balak terletak di bawah kategori Keperluan Kawasan Khusus.



Pembangunan Semula Kawasan Dalam Pusat Bandar



Kawasan Sensitif Alam Sekitar (Rank 1 Dan 2 Berdasarkan RFN)



Keperluan Kawasan Khusus



Petempatan Semula Penduduk




Kawasan Berkepentingan Warisan

c) Objektif

Mengoptimumkan potensi kawasan kajian untuk dibangunkan dengan sistematik selaras dengan dasar-dasar di peringkat negeri dan nasional.

d) Manfaat

Menambahbaik kawasan Tanjung Bidara-Pengkalan Balak sebagai kawasan pelancongan persisiran pantai berteraskan eko desa dan komuniti mampan yang baru di samping meningkatkan ekonomi daerah seterusnya Negeri Melaka.



Profil Kawasan Kajian:



Hala Tuju Strategik:




TANJUNG BIDARA-PENGGKALAN BALAK

'DESTINASI PERSISIRAN PANTAI YANG BERTERASKAN EKO DESA DAN KOMUNITI MAMPAN'


Empat TERAS yang digariskan dalam menyokong visi pembangunan adalah:

<p>1. PEMBANGUNAN PERSISIRAN PANTAI YANG HOLISTIK</p> <p>Menyusun semula dan mengawal aktiviti guna tanah, pembangunan fizikal dan imej reka bentuk serta menambahkan rangkaian sistem perhubungan dan pengurusan Lalulintas yang efisien.</p>	<p>2. PERTUMBUHAN SOSIO-EKONOMI KOMUNITI SEJAHTERA</p> <p>Menambahkan penyediaan kemudahan dan infrastruktur yang mencukupi serta memperkukuh ekonomi penduduk komuniti.</p>	<p>3. PERTUMBUHAN HIJAU DAN MAMPAN</p> <p>Memelihara, memulihara, melindungi alam sekitar dan membangunkan sumber semula jadi dan budaya sebagai tarikan pelancongan.</p>	<p>4. TADBIR URUS BERDAYA LAKSANA</p> <p>Memudah cara penduduk dan pengusaha pelancongan untuk memperoleh kebenaran merancang, lesen dan kemudahan berkaitan melalui kaedah pemutihan menyeluruh bersyarat melalui pemutihan garis panduan khusus.</p>
---	---	--	---

Guna Tanah Semasa



Konsep Pendekatan Infill Kawasan Tumpuan Secara Berpusat




KONSEP PENDEKATAN INFILL KAWASAN TUMPUAN SECARA BERPUSAT (MANAGED RETREAT CONCEPT)

Kawasan RKK menggunakan pendekatan *Managed Retreat* sebagai langkah adaptasi kepada perubahan iklim dan kenaikan paras laut.

Managed Retreat adalah strategi pengurusan pantai yang membolehkan garis pantai bergerak ke pedalaman secara semulajadi.

Pendekatan baru ini mendapat daya perhatian di kalangan pembuat dasar pantai dan pengurusan dalam menghadapi peningkatan risiko bahaya pantai.



Program Publisiti dan Penyertaan Awam RKK Tanjung Bidara-Pengkalan Balak Pada 20 Jun 2020 – 22 Julai 2020



Lobi Wisma Negeri



Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG)

Kompleks Japerun Tanjung Bidara

5.4 PENERBITAN MONOGRAF JABATAN : AGENDA PERBANDARAN BAHARU (NEW URBAN AGENDA)

a) Pengenalan

Agenda Perbandaran Baharu (NUA) pada asasnya membentangkan standard dan prinsip untuk perancangan, pembinaan, pembangunan, pengurusan dan peningkatan kawasan bandar. Terdapat lima tonggak utama di dalam pelaksanaan NUA iaitu dasar negara bandar, undang-undang dan peraturan bandar, perancangan dan reka bentuk bandar, ekonomi tempatan dan kewangan perbandaran, dan pelaksanaan tempatan.

Ianya turut menggariskan hubungan antara perbandaran yang baik dan penciptaan peluang pekerjaan, peluang mata pencarian, dan peningkatan kualiti hidup yang perlu dimasukkan ke dalam setiap dasar dan strategi pembaharuan bandar. Ia menonjolkan hubungan antara Agenda Perbandaran Baharu (NUA) dengan *Sustainable Development Goals* (SDG).

b) Tujuan

Penerbitan Monograf ini dilihat sebagai salah satu penghasilan bahan ilmiah yang dilihat dapat membantu dalam meneruskan agenda Kerajaan Negeri bagi membina dan mengurus Negeri Melaka dengan baik serta memenuhi harapan dan kehendak rakyat.

Penghasilan monograf ini dapat digunakan dan dimanfaatkan kepada umum dan dijadikan asas kepada pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Penerbitan Monograf ini juga dapat membuka minda masyarakat Malaysia khususnya di dalam bidang Perancangan Bandar serta memacu pembangunan Negeri Melaka.

Selain itu, ianya dapat memberi pendedahan serta kefahaman kepada masyarakat tentang Agenda Perbandaran Baharu untuk dikaitkan dalam kehidupan seharian.

c) Objektif

Merupakan wawasan bersama untuk masa depan yang lebih baik dan mampan, di mana semua orang mempunyai hak dan akses sama rata kepada manfaat dan peluang yang bandar boleh tawarkan.

d) Manfaat


Pelaksanaan NUA di Negeri Melaka turut menyumbang ke arah usaha Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) iaitu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif kepada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rangkaian bekalan.



Penyediaan Monograf Edisi 2018 merupakan rangka kerja terhadap pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka. Ia membincangkan lima (5) tunggak utama ke arah mencapai Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka.

Antara lima (5) tunggak utama di dalam merangka pelaksanaannya adalah; Dasar Negara Bandar, Undang-undang dan Peraturan Bandar, Perancangan dan Reka Bentuk Bandar, Ekonomi Tempatan dan Kewangan Perbandaran, dan Pelaksanaan Tempatan.

Berikut merupakan Komitmen Negara terhadap Agenda Perbandaran Baharu (NUA) :



perenggan **17, 19 dan 21** dokumen Agenda Perbandaran Baharu pelaksanaan komitmen dan tindakan **mengambil kira keupayaan, kapasiti dan tahap pembangunan negara dan hendaklah menghormati undang-undang, amalan, dasar dan keutamaan negara**

NEW URBAN AGENDA DAN DASAR-DASAR NEGARA

KOMITMEN NEW URBAN AGENDA

MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN ASAS UNTUK SEMUA WARGA BANDAR

MEMASTIKAN SEMUA WARGA MEMPUNYAI AKSES KEPADA PELUANG YANG SAMA & TIADA DISKRIMINASI

MENGALAKKAN LANGKAH-LANGKAH YANG MENYOKONG BANDAR SIHAT & BERSIH

MENGUATKAN DAYATAHAN BANDAR MENGURANGKAN RISIKO & KESAN BENCANA

MENANGANI PERUBAHAN IKLIM OLEH MENGURANGKAN PELEPASAN GAS RUMAH HIJAU


MENGHORMATI HAK PELARIAN, PENDATANG & ORANG PELARIAN TANPA STATUS PENGHIJRAHAN

MENINGKATKAN PERHUBUNGAN & MENYOKONG INOVATIF HIJAU

MENGALAKKAN RUANG AWAM YANG SELAMAT

PRINSIP-PRINSIP DASAR PERBANDARAN NEGARA 2





Penyediaan Monograf Edisi 2019 merupakan terjemahan terhadap rangka kerja pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka. Ia membincangkan penglibatan dan komitmen daripada agensi-agensi kerajaan di Negeri Melaka yang menyokong pelaksanaan Agenda

Perbandaran Baharu. Setiap aktiviti-aktiviti atau program yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi kerajaan yang terlibat akan dikaitkan dengan setiap indikator yang telah ditetapkan di dalam *Sustainable Development Goals*.

Berikut merupakan 17 Indikator Sustainable Development Goals (SDGs) :



Secara kesimpulannya, Negeri Melaka telah mempraktikkan kesemua amalan yang digariskan di dalam 17 indikator SDGs ke arah pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka. Ini terbukti melalui pelaksanaan program-program atau aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang mana telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi swasta dan jabatan-jabatan kerajaan di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka.

Justeru itu, pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu di Negeri Melaka turut menyumbang ke arah merealisasikan objektif Wawasan Kemakmuran Bersama (WKB) iaitu Pembangunan Untuk Semua (menstruktur ekonomi); Menangani Jurang Kekayaan dan Pendapatan (menangani ketidaksamaan); dan Negara Bersatu, Makmur dan Bermaruah (membina negara). Kerjasama dan pencapaian yang ditunjukkan oleh pelbagai pihak secara tidak langsung dapat menjayakan Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*) di Negeri Melaka.

5.5 BULETIN TAHUNAN JABATAN

a) *Pengenalan*

Buletin merupakan bahan bercetak atau majalah yang berisi berita atau pernyataan rasmi yang diterbitkan oleh sesuatu jabatan atau pertubuhan.

Inisiatif penerbitan Buletin Tahunan Jabatan merupakan sebuah wadah untuk berkongsi pelbagai inisiatif dan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PLANMalaysia@Melaka seiring dengan gagasan transformasi perkhidmatan awam yang sedang giat dilakukan. Buletin ini diterbitkan sekali setiap tahun.

b) *Tujuan*

Penghasilan Buletin Jabatan ini bertujuan untuk berkongsi maklumat kepada umum tentang aktiviti atau program tahunan yang telah dijalankan oleh Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Ia juga merupakan satu medium perkongsian dan penyebaran maklumat tentang aktiviti dan projek-projek penting yang dilaksanakan oleh Jabatan.

Selain itu, Buletin ini juga memaparkan kepelbagaian usaha-usaha dan program yang telah dijalankan di PLANMalaysia@Melaka.

Program-program ini menjurus ke arah usaha penambahbaikan secara berterusan untuk meningkatkan mutu pencapaian Jabatan dan juga warganya.

c) *Objektif*

Untuk memastikan pelaksanaan tugas yang diamanahkan sentiasa mencapai tahap yang cemerlang selaras dengan Dasar Kualiti PLANMalaysia@Melaka di samping meningkatkan mutu pencapaian Jabatan.

d) *Manfaat*

Buletin yang dihasilkan akan diedarkan kepada setiap Agensi Kerajaan di Negeri Melaka dan juga kepada semua Jabatan PLANMalaysia Negeri bagi tujuan hebahan.

Ini secara tidak langsung dapat memberi perkongsian mengenai komitmen dan pencapaian PLANMalaysia@Melaka.

Anugerah Geospasial Kobangsaan (AGK2018)

Bicara Pengarah

Explore Race Sempena Hari Perancangan Sungai Melaka Ke-12 & Hari Perancangan Bandar Sedunia 2018

Komvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

BULETIN PERANCANGAN 2018

PLAM Malaysia@Melaka

Perancangan Melaka ke Ulu Kelantan
Planning Beyond Conventional

Sidang Redaksi

Perancangan & Inovasi

Kegiatan Masyarakat Jawatankuasa Perancangan

Sambutan Hari Kebangsaan Ke 61

Taklimat Keselamatan

Aktiviti Tahun 2018

Perarakan Sempena Sambutan Maulidur Rasuli

Bengkel Verifikasi & Pengemaskinian Data I-Plan

Rancangan Korporat Jabatan

Hari Keluarga PLAN Malaysia@Melaka



PENERIMA ANUGERAH

DARJAH SERI MELAKA (D.S.M.)

TPr. MD NAZRI BIN ABDULLAH
Pengarah
PLANMalaysia@Melaka

TAHNIAH DARI KAMI WARGA
PLANMALAYSIA@MELAKA



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUA (HPBS) 2019



KELAB SUKABAKI KAKI SOKIAL



KURSUS LONGKANG PERTOLONGAN CEMAS



PERBARISAN HARI KEMERDEKAAN KE62

5.6 COFFEE TABLE BOOK (CTB) IMEJ BANDAR MASJID TANAH, ALOR GAJAH

a) Pengenalan

Masjid Tanah merupakan kawasan yang diletakkan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Alor Gajah. Dahulunya dikenali sebagai Majlis Luar Bandar Alor Gajah, kemudian telah disusun semula mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta 171 dan diberi pengiktirafan sebagai Majlis Daerah Alor Gajah pada 1 Julai 1978 yang ditadbir oleh Pegawai Daerah. Seterusnya pada 1 Mei 2003, Majlis Daerah Alor Gajah telah dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG). Kini, perancangan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan kemudahan infrastruktur serta sosial penduduk di Daerah Alor Gajah semakin teratur dan terurus dengan adanya MPAG yang ditadbir oleh seorang Yang Dipertua (YDP).

b) Tujuan

Coffee Table Book : Imej Bandar Masjid Tanah ini diterbitkan sebagai bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca menghayati era perancangan pembangunan iaitu sebuah pekan kecil di dalam Daerah Alor Gajah yang terletak di utara Bandaraya Melaka.

Buku ini memberi tumpuan kepada perancangan fizikal, bermula sejarah pewujudan pekan ini, diikuti perkembangan Masjid Tanah dan aktiviti sokongan lain yang menjadi pemangkin pemesatan pertumbuhan bandar ini sekitar tahun 1920-an sehingga kini.

Penulisan buku ini juga telah diolah semula berdasarkan kajian lisan yang dibuat, iaitu temu bual bersama masyarakat setempat. Seterusnya beberapa bahagian lain berdasarkan tinjauan semasa di lokasi yang disokong oleh rujukan ilmiah dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

c) Objektif

Merekod penceritaan lalu bermula dari sejarah pembukaan sehingga revolusi bandar dan perkembangan terkini untuk rujukan generasi akan datang.

d) Manfaat

Sebagai panduan untuk menyalurkan maklumat-maklumat yang menarik dengan mengetengahkan skop revolusi perkembangan perancangan bandar di Bandar Masjid Tanah. Buku ini amat sesuai untuk dijadikan bahan rujukan selain merungkai keunikan dan keindahan Alor Gajah daripada pelbagai perspektif.



Imej Bandar
**MASJID
 TANAH**

PLANMalaysia @ Melaka
 Perancangan Melainkan Keluasan | *Planning Beyond Conventional*



Masjid Tanah
 9 789834 295141



Rupa Bandar Masjid Tanah

Ciri keistimewaan rupa bandar Masjid Tanah ialah bangunan rumah kedai sebelum perang di Jalan Masjid Tanah dan Jalan Besar membentuk kelompok bangunan yang mempunyai fasad bangunan yang sangat menarik. Kebanyakan daripada bangunannya mempunyai fasad bangunan, depan kedai, dinding, bumbung, pintu masuk dan tingkap yang istimewa seni binaanya.

Deretan bangunan-bangunan tersebut melengkung mengikut jalan besar mengikut yang sangat menarik. Ini ditambah lagi dengan adanya satu menara jam di persimpangan tengah bandarnya membentuk vista yang boleh kelihatan dari jauh.

Anjung Kata

Coffee Table Book : Imej Bandar Masjid Tanah ini diterbitkan sebagai bacaan ilmiah yang santai untuk pembaca menghayati era perancangan pembangunan idatu sebuah pekan kecil di dalam Daerah Alor Gajah yang terletak di utara Bandaraya Melaka.

Buku ini memberi tumpuan kepada perancangan fizikal, bermula daripada sejarah pewujudan pekan ini, diikuti perkembangan Masjid Tanah dan aktiviti sokongan lain yang menjadi pemangkin pematatan pertumbuhan bandar ini sekitar tahun 1920-an sehingga kini.

Penulisan buku ini juga telah diolah semula berdasarkan kajian lisan yang dibuat, iaitu temu bual bersama masyarakat setempat. Setelujing beberapa bahagian lain berdasarkan rujukan semasa di lokasi yang disokong oleh rujukan ilmiah dan sumber-sumber lain yang berkaitan.

Oleh yang demikian, penerbitan buku ini secara tidak langsung merupakan satu usaha mereka penceritaan lalu bermula dari sejarah pembukaan sehingga revolusi bandar dan perkembangan terkini untuk rujukan generasi akan datang.



Peta Negeri Melaka dan Nanning pada tahun 1825

Sejarah Awal

Masjid Tanah suatu ketika dahulu adalah sebuah pekan hab-perdagangan yang dibawa daripada Kota Melaka ke daerah-daerah sekitar utara Negeri Melaka dan Alor Gajah dan juga sebaliknya. Masjid Tanah dihuni oleh pelbagai lapisan masyarakat yang penduduk utamanya adalah berbangsa Melayu.

Disebabkan lokasinya yang berada di dalam Daerah Alor Gajah dan berdekatan dengan sempadan Negeri Sembilan, sebilangan besar dari penduduk Masjid Tanah dan kampung-kampung sekelilingnya bertutur dalam loghat Negeri Sembilan atau loghat Minang, atau lebih dikenali oleh orang Masjid Tanah dengan loghat 'Hulu' atau 'Cakap Hulu'.



ASAL USUL NAMA MASJID TANAH

Masjid ini telah diwartakan sebagai monumen bersejarah di bawah Akta Senala Purba, 1974.

Masjid Tanah mendapat nama sempena sebuah masjid yang terletak di tengah-tengah pekan yang dibina daripada tanah di tepian sungai. Lokasinya terletak di dalam Pekan Masjid Tanah. Masjid ini dibina pada tahun 1800-an oleh seorang sheikh yang berasal dari Gujarat. Namun H. Sulang bin Sibeng merupakan orang tempatan yang turut bekerja keras dalam pembinaannya.

Pada awalnya pembinaan masjid ini berasaskan tanah. Oleh hal yang demikian, masjid ini disebut dikenali sebagai Masjid Tanah. Masjid ini pernah menjadi tempat sembahyang bagi orang-orang dari Kampung Tengah, Kampung Dukan Daun dan beberapa kampung lain sebelum kewujudan masjid-masjid di setiap kampung di kawasan Masjid Tanah.

Pada tahun 1951, masjid ini telah diubahsuai. Antara kerja-kerja yang dilakukan ialah membaiki aksi tapak dan menggantikan atapnya. Masjid ini hanya dijadikan sebagai tempat persinggahan sahaja setelah masjid batu Masjid Tanah siap dibina.

Masjid Tanah suatu ketika dahulu adalah sebuah pekan perdagangan yang dibawa daripada Kota Melaka ke daerah-daerah sekitar utara Negeri Melaka dan Alor Gajah dan juga sebaliknya.



Cuna Tanah

Parlimen MASJID TANAH



PARLIMEN MASJID TANAH

Kategori Guna Tanah	Seluasannya (R)	Peratus (%)
Pemukiman	13,341.68	7.72
Komersial	1,343.47	0.79
Industri	2,707.15	1.57
Pembangunan Bersempur	4.34	0.00
Institusi Dan Kemudahan Masyarakat	5,378.73	3.11
Tanah Lapangan dan Rekreasi	2,774.59	1.61
Tanah Kasang	13,201.48	7.64
Pengangkutan	11,218.34	6.49
Pantai	740.43	0.44
Infrastruktur dan Utiliti	1,641.33	0.93
Peternakan	104,171.71	61.46
Hutan	9,078.44	5.27
Kepercayaan	3,083.41	1.84
Jumlah	172,744.90	100.00



Secara keseluruhannya, bentuk muka bumi Masjid Tanah adalah rata dan landai. Hampir 75 peratus (75%) luas tanah muka bumi ini adalah landai kerana berada di bawah ketinggian 50 meter dari aras laut. Sungai Babilau yang melintasi Bandar Masjid Tanah juga membolehkan bandar lama dan bandar baharu.





Struktur Rumah Kedai

Secara umumnya, fasad hadapan di tingkat atas dipenuhi dengan tingkap yang sama bentuk dan saiz pada kekotak bingkai konkrit, manakala daun-tingkap pula adalah daripada panel kayu.

Rumah kedai di Masjid Tanah ini dibahagikan kepada 3 ruang, iaitu ruang hadapan, tengah dan belakang. Di tingkat bawah, ruang hadapan bertinggi sebagai ruang perniagaan bersekal dengan kaki lima. Ruang tengah pula menghubungkan ruang hadapan dan belakang serta menempatkan dapur, bahagian belakang pula terdapat ruang courtyard yang memisahkan tandas dari dapur.



Awal Peralihan

Daun-tingkap boleh dilihat pada senibina awal peralihan pada blok kedai pertama.



Neo-Klasik

Daun-tingkap Neo-klasik pula merupakan perubahan pada moden di mana terdapat unsur tradisional dan moden.



Eta Moden

Blok kedai moden yang boleh dilihat perubahan pada eksterior Bandar Masjid Tanah.




Pandangan Fasad Rumah Kedai

45

46



Kulh Cara Berlauk & Kulh Bakar Tepi Petronas Masjid Tanah



Warung Hijau Rajak Salong



teroperol pada jam 5.00pm - 11.00 min. kedai ini terletak di lrg. Dutaan Daun Masjid Tanah. Menperkenalkan pelbagai menu makanan seperti Rajak Seafood, Mee Kupang, Char Koy Teow Salong, Mee Goreng Salong Barji dan Rajak Salong Jumbo.



Ceria MASJID TANAH



5.7 GARIS PANDUAN DAN PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI MELAKA EDISI 2

a) Pengenalan

Garis Panduan dan Piawaian Perancangan (GPP) Negeri Melaka Edisi 2 adalah hasil daripada semakan semula Manual GPP Negeri Melaka. Kelulusan terhadap pindaan garis panduan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri Melaka Bil. 01/2019 pada 26 Mac 2019. Keperluan semakan semula adalah berikutan dari perubahan keadaan pembangunan dan perancangan semasa serta maklumbalas dari jabatan-jabatan teknikal, Juruperunding Perancang Bandar dan pemaju pembangunan hartanah Negeri Melaka. Proses semakan semula garis panduan ini telah bermula pada awal tahun 2018 dan PLANMalaysia@Melaka telah berganding bahu bersama-sama empat (4) Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan-jabatan teknikal berkaitan dan agensi kerajaan di peringkat Persekutuan dan Negeri termasuk penglibatan dari Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) dalam menyediakan garis panduan yang berkualiti.

b) Objektif

- Melaksanakan Amalan Perancangan Terbaik (*Best Planning Practices*) dalam perancangan dan pembangunan di Negeri Melaka.
- Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan bagi memudahcara urusan antara pihak kerajaan dan rakyat dalam memproses permohonan dan juga memberikan khidmat nasihat perancangan.
- Meningkatkan dan menjamin kelancaran dan ketelusan keseluruhan proses membuat keputusan (*decision making*) dalam perancangan dan pembangunan di negeri Melaka.

c) Tujuan

Penerbitan Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka : Edisi 2 ini dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan jabatan/ agensi teknikal merancang dan mengawal pembangunan di negeri Melaka serta memandu dan memudah cara pihak pemaju menjayakan aspirasi kerajaan Negeri Melaka.

d) Manfaat

- Meningkatkan kawalan perancangan secara mampan dan memperolehi gambaran mengenai masa hadapan negeri Melaka seterusnya bersama -sama dengan Kerajaan untuk mencapai matlamat yang telah ditetapkan.
- Mewujudkan jalinan antara kerajaan dan rakyat dengan menyediakan satu platform sistem penyampaian yang berkesan.



GPP Negeri Melaka Edisi 1

Dengan Kerjasama :



MBMB




MPAG



MPJ



MPHTJ



GPP Negeri Melaka Edisi 2

NEW EDITION

JUALAN

GARIS PANDUAN & PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI MELAKA : EDISI 2

JENIS PRODUK	HARGA
• BUKU	RM 150.00
• CD	RM 50.00

⇒ Kini boleh didapati di Kaunter PLANMalaysia@Melaka di Aras 5, Wisma Negeri, 75450 Ayer Keroh, Melaka.

- GPP 1 : Garis Panduan Perumahan
- GPP 2 : Garis Panduan Perniagaan
- GPP 3 : Garis Panduan Perindustrian
- GPP 4 : Garis Panduan Kemudahan Masyarakat
- GPP 5 : Garis Panduan Infrastruktur dan Utiliti



DASAR KOMPONEN PERUMAHAN

Pembangunan perumahan yang **melebihi 8 ekar dan ke atas** dikehendaki membina :

- a) Pecahan komponen pembangunan perumahan bagi Hakmilik selain Tanah Adat Melaka (MCL) adalah :

Bil.	Komponen Pembangunan	Peratusan
1.	Rumah Kos Rendah (RKR)	10%
2.	Rumah Kos Sederhana Rendah (RKSR)	10%
3.	Rumah Mampu Milik (RMM)	30%
	Rumah Bebas	30%
4.	Rumah Bebas (berharga dibawah RM 400,000.00)	20%
	Jumlah	100%

- b) Pecahan komponen pembangunan perumahan bagi Hakmilik Tanah Adat Melaka (MCL) adalah :

Bil.	Komponen Pembangunan	Peratusan
1.	Rumah Kos Rendah (RKR)	20%
2.	Rumah Kos Mampu Milik (RMM)	20%
3.	Rumah Bebas	60%
	Jumlah	100%

Nota :

- i. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Negeri Melaka Bil 12/2014 bertarikh 17 Julai 2014 berkenaan dengan Dasar Komposisi Pembangunan Di Negeri Melaka.
- ii. Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pecah Sempadan dan Belah Bahagi Negeri Melaka Bil 3/2019 bertarikh 14 Februari 2019 berkenaan dengan Dasar Komponen Perumahan dan Kawalan Harga Negeri Melaka.



DASAR PERUMAHAN NEGERI MELAKA



DASAR PERNIAGAAN NEGERI MELAKA

KOMPOSISI PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Penetapan Kuota
Kedai Mampu Milik

Daripada jumlah kedai yang
dibangunkan, pemaju diminta
untuk membangunkan sebanyak :

Projek Pembangunan Perumahan

Bagi projek
perumahan yang
mempunyai
komponen kedai

- **20% Kedai Mampu Milik**
- Keluasan minimum **1,200 kp**

Projek Pembangunan Komersial

Bagi pembangunan
projek komersial,
yang melibatkan
kedai dan kedai

- **20% Kedai/ Kedai Pejabat Mampu Milik**
- Keluasan minimum **1,200 kp**

Pecahan kuota 80:20

- **80% bumiputera : 20% bukan bumiputera**

Nota :

- Keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pecah Sempadan Tanah dan Belah Bahagi Negeri Melaka Bil 14/2015 bertarikh 18 Ogos 2015 berkenaan dengan Dasar Penetapan Kuota Kedai Mampu Milik Bagi Setiap Pembangunan Perumahan dan Komersial.*




PERLETAKAN BANGUNAN/KAWASAN INDUSTRI – ZON PENAMPAN



Rajah GPP 3.1 : Ilustrasi Zon Penamparan 500 meter dan Jaluran Tanaman 30 meter untuk Industri Berat.




Rajah GPP 3.2 : Ilustrasi Zon Penamparan 250 meter dan Jaluran Tanaman 20 meter untuk Industri Sederhana.




Rajah GPP 3.3 : Ilustrasi Zon Penamparan 50 meter dan Jaluran Tanaman 10 meter untuk Industri Ringan.



KONSEP PERANCANGAN PENYEDIAAN KEMUDAHAN MASYARAKAT BAGI SEBUAH BANDAR



- | | | | | | | | |
|--|-----------------------------------|--|------------------------|--|--------------------------|--|--------------------------|
| | 1 Unit Kejiranan (5,000 penduduk) | | 1 Sekolah Rendah | | 5 Balai Polis Kategori C | | 8 Sekolah Menengah |
| | 1 Subbandar | | 2 Perpustakaan Desa | | 6 Klinik Keelhatan | | 9 Balai Bomba Kategori C |
| | Rangkaian Jalan | | 3 Balai Polis Komuniti | | 7 Kemudahan Kebajikan | | Hospital |
| | | | 4 Balai Raya | | | | |



Sumber :

Garis Panduan Perancangan Kemudahan Masyarakat PLANMalaysia (Pindaan 2013)



GARIS PANDUAN & PIAWAIAN PERANCANGAN NEGERI MELAKA, EDISI 2



**INFO PROJEK
RANCANGAN STRUKTUR NEGERI
MELAKA 2035**

Rangkaian Sistem Perhubungan & Pengangkutan Masa Hadapan di Negeri Melaka



PETUNJUK:

- Bus Rapid Transit
- Scenic Route
- Cadangan North Coast
- Cadangan Jalan Pengurusan Trafik
- Melaka Outer Ring Road
- Melaka Outer Inner Road
- Pelabuhan
- Cadangan Persimpangan Bertingkat Parit Melana
- Cadangan Komuter
- Transit Oriented Development
- Cadangan Park and Ride

Lain-lain Petunjuk:

- Sempadan Negeri
- Sempadan Daerah
- Negeri Bersempadan
- Laut
- Lebuhraya
- Laluan Persekutuan
- Laluan Negeri
- Laluan Kereta Api
- Cadangan HSR
- Cadangan Lebuhraya Pantai Barat
- Cadangan Jalan Pesisir Pantai

5.8 DATA SPATIAL SEMPADAN MPKK DAN KAMPUNG NEGERI MELAKA

a) Pengenalan

Kajian Projek Sempadan MPKK dan Sempadan Kampung pada Februari 2019. Sesi *Focus Group Discussion* (FGD) telah diadakan pada Mac 2019. Sempadan MPKK telah dibangunkan oleh Jabatan.

Walaubagaimanapun, PLAN Malaysia Ibu Pejabat telah mengambil alih kajian ini melalui Kajian Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spasial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan (PSK) bermula pada April 2019 dan kajian ini telah dimulakan pada 17 Mei 2019.

b) Tujuan

Untuk melaksanakan projek penentuan sempadan kampung dan penandaan kedudukan spasial kemudahan awam kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan bagi mewujudkan perancangan dan penyelarasan penyediaan kemudahan awam kampung yang lebih efisien.

d) Manfaat

- i. Ke arah Pewartaan sempadan kampung (jika perlu).
- ii. Hala tuju perancangan kampung :
 - SMART Desa; Amalan Hijau; Pemerkasaan Komuniti
 - Perancangan guna tanah dan intensiti
 - Garis panduan karakter kampung
 - Perancangan kemudahan awam dan infrastruktur
- iii. Persediaan ke arah pengurusan bencana.
- iv. Pengawasan Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).
- v. Pengkalan kawasan rizab-rizab tanah.

c) Objektif

- i. Mengenalpasti kriteria spasial penentuan sempadan kampung bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.
- ii. Menetapkan sempadan kampung secara spasial berdasarkan kriteria-kriteria tertentu.
- iii. Menandakan kedudukan spasial unit kediaman, bangunan utama (kedai, kilang dan bangunan pertanian berskala besar) serta kemudahan awam di setiap kampung.
- iv. Menyediakan Pengkalan Data maklumat sempadan kampung dan lokasi unit kediaman, bangunan utama serta kemudahan awam bagi seluruh Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan untuk digunakan dalam Sistem Ciri-ciri Desa Malaysia (S-CHARMs).

LAPORAN AKHIR

PENENTUAN SEMPADAN KAMPUNG DAN
PENANDAAN KEDUDUKAN SPATIAL KEMUDAHAN AWAM KAMPUNG
DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN LABUAN

FASA 1

04

MELAKA

LAPORAN UTAMA
PENENTUAN SEMPADAN
KAMPUNG
JILID 1



PENENTUAN SEMPADAN KAMPUNG DAN
PENANDAAN KEDUDUKAN SPATIAL
KEMUDAHAN AWAM KAMPUNG
DI SEMENANJUNG MALAYSIA DAN LABUAN

Perancangan desa di Malaysia pada masa kini dipandu oleh Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara 2030 (DPF Desa Negara 2030) yang merupakan dasar pembangunan desa negara yang bertujuan untuk mewujudkan perancangan desa yang holistik merangkumi aspek sosial, ekonomi, alam sekitar, pengangkutan, infrastruktur dan utiliti warisan, pengurusan dan mekanisme pemantauan.

Kajian Penentuan Sempadan Kampung dan Penandaan Kedudukan Spatial Kemudahan Awam Kampung di Semenanjung Malaysia dan Labuan merupakan sebahagian daripada strategi dan langkah pelaksanaan pembangunan desa yang telah digariskan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara iaitu Teras 3: Pengukuhan Daya Huni Desa, Dasar DD1: Pemeliharaan Karektor Spatial Desa dan Dasar DD4: Penyediaan Kemudahan Awam.

CONTOH HASIL KAJIAN SEMPADAN KAMPUNG TERDAHULU (2018)



PERSEMPADANAN KAMPUNG NEGERI MELAKA

Dun Sungai Udang

PERSEMPADANAN KAMPUNG DUN SUNGAI UDANG NEGERI MELAKA

MPKK Bukit Mentangan

TAMAN PERUNA

MAKLUMAT KEMUDAHAN

Bilangan Rumah	561
Jumlah Penduduk Lelaki	823
Jumlah Penduduk Perempuan	946
Jumlah Keluarga	481
Kemudahan Pendidikan Awal	Tadika Kemas Permata
Kemudahan Pendidikan Rendah	-
Kemudahan Pendidikan Menengah	-
Kemudahan IPT	-
Kemudahan Kesihatan	-
Kemudahan Keagamaan Islam	Surau - 1
Kemudahan Keagamaan Bukan Islam	-
Kemudahan Perkuburan	-
Kemudahan Keselamatan	-
Kemudahan Rumah Kebajikan	Rumah Persatuan / Pertubuhan-1
Kemudahan Kegunaan Kerajaan	-
Kemudahan Awam Lain-lain	-
Kemudahan Tanah Lapang dan Rekreasi	Pdg Bola-1, Lot Permainan Kanak-kanak-1

MAKLUMAT ASAS

No ID	SU_04
Daerah	Melaka Tengah
Mukim	Sungei Udang
PBT	MBMB
Parlimen	Tangga Batu
DUN	Sungai Udang
Luas Kampung	21.073 Hektar
Nama Kampung	Taman Peruna
Taman Perumahan	-
Taman Perumahan 01	-
Taman Perumahan 02	-
Nama Penghulu	Mohd. Nizam B. Dawood
No. Telefon	016-6264598
Nama Ketua Komuniti	Mej. Abd. Razak bin Othman (B)
No. Telefon	019-5719085

PERMOHONAN KEMUDAHAN

Mohon Keperluan Kemudahan 01	: -
Mohon Keperluan Kemudahan 02	: -

CONTOH HASIL KAJIAN SEMPADAN KAMPUNG TERDAHULU (2018)




PERSEMPADANAN KAMPUNG NEGERI MELAKA

Dun Sungai Sungai Rambai

PERSEMPADANAN KAMPUNG DUN SUNGAI RAMBAI NEGERI MELAKA

MPKK Sungai Rambai Barat

KAMPUNG PARIT PUTAT BENTENG



MAKLUMAT KEMUDAHAN

Bilangan Rumah	40
Jumlah Penduduk Lelaki	70
Jumlah Penduduk Perempuan	55
Jumlah Keluarga	125
Kemudahan Pendidikan Awal	-
Kemudahan Pendidikan Rendah	-
Kemudahan Pendidikan Menengah	-
Kemudahan IPT	-
Kemudahan Kesihatan	-
Kemudahan Keagamaan Islam	-
Kemudahan Keagamaan Bukan Islam	-
Kemudahan Perkuburan	-
Kemudahan Keselamatan	-
Kemudahan Rumah Kebajikan	-
Kemudahan Kegunaan Kerajaan	-
Kemudahan Awam Lain-lain	Balairaya (1)
Kemudahan Tanah Lapang dan Rekreasi	-


MAKLUMAT ASAS

No ID	SR_66
Daerah	Jasin
Mukim	Sg. Rambai
PBT	MPJ
Parlimen	Jasin
DUN	Sg. Rambai
Luas Kampung	99.11 Hektar
Nama Kampung	Kg. Parit Putat Benteng
Taman Perumahan	-
Taman Perumahan 01	-
Taman Perumahan 02	-
Nama Penghulu	Tn. Hj. Arif bin Omar
No. Telefon	017-6164118
Nama Ketua Komuniti	Hj. Abu Bakar bin Hj. Paiman
No. Telefon	012-6483146

PERMOHONAN KEMUDAHAN

Mohon Keperluan Kemudahan 01	: -
Mohon Keperluan Kemudahan 02	: -

PILOT SURVEY SEMPADAN JPKK + PENAMAAN JALAN DAN NOMBOR RUMAH, 2020



Daerah

- Jasin

Mukim

- Sungai Rambai

Keluasan

- 32.91 Hektar

Jumlah Penduduk

- 9,100 Penduduk

5.9 GUNATANAH SEMASA NEGERI MELAKA 2019

a) Pengenalan

Jabatan telah mengambil inisiatif untuk membuat pengemaskinian data-data gunatanah secara berkala 2 kali setahun melalui bengkel pengemaskinian dan verifikasi data. Proses pengemaskinian dan verifikasi data gunatanah MeLGIS dijalankan secara berintegrasi melibatkan Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN), PLANMalaysia Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi dalaman yang lain.

Bagi memastikan konsistensi dalam kekinian data, UMGN telah merangka proses kerja pengemaskinian data mengikut jenis gunatanah.

b) Tujuan

Pengemaskinian Gunatanah Semasa Negeri Melaka tahun 2019 memastikan konsistensi dalam kekinian data seterusnya membantu memacu pembangunan yang komprehensif di Negeri Melaka.

d) Manfaat


Jabatan mempunyai data yang terkini dengan kadar ketepatan yang tinggi yang menjadi sumber rujukan utama kepada pelbagai pihak dalam mendapatkan maklumat-maklumat perancangan dalam membuat sesuatu keputusan dasar atau pelaburan.

c) Objektif


- Penyediaan dan pemantapan data geospasial perancangan berdasarkan keperluan Kerajaan Negeri Melaka dan PLANMalaysia Semenanjung Malaysia.
- Memudahkan rujukan maklumat pangkalan data spasial (*State Spatial Data Repository*) yang lebih efisien.
- Memperkukuhkan maklumat spasial pembangunan di Negeri Melaka.
- Mengemaskini data-data gunatanah berdasarkan kepada kelulusan Kebenaran Merancang (C1) bagi pembangunan komited dan juga *Certificate of Compliance* (CCC) bagi pembangunan sediada yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) beserta data-data lain seperti data utiliti, kawasan lapang warta dan sempadan DUN.

Keseluruhan keluasan Negeri Melaka berdasarkan kepada keluasan warta Jabatan Ukur dan Pemetaan (JUPEM) Malaysia ialah 423,111 ekar (171,300 hektar). Pertanian merupakan komposisi gunatanah terbesar di Negeri Melaka dengan keluasan 262,576.86 ekar iaitu 62.23% daripada jumlah keluasan Negeri Melaka.

Rajah : Pelan Gunatanah Semasa (GTS) Negeri Melaka 2019



KLASIFIKASI GUNA TANAH	
	KELUASAN (EKAR)
PERUMAHAN	30,780.44
Perumahan Strata	708.50
Perumahan Bukan Strata	8,516.55
Kampung	20,556.42
KOMERSIAL	5,161.93
Torak	671.83
Berkembang	8.12
Bangunan Seweliah	1,623.68
Pembangunan Bercampur	15.99
Pendidikan	245.28
Kesehatan	33.90
Kemudahan	4.77
Kemudahan Sukan dan Rekreasi	2,352.80
Rumah Pensiun/Perubuhan	1.01
Pusat Peragaan	0.82
Tempat Letak Kereta	0.03
INDUSTRI	6,120.73
Bukan Taman Perindustrian	787.00
Taman Perindustrian	4,337.77
Perombongan/Kuari	993.26
Rumah Pekaaja	2.69
INSTITUSI DAN KEMUDAHAN MASYARAKAT	14,020.90
Pendidikan	5,245.46
Kesehatan	292.72
Kegajaran	423.69
Pendidikan	1,600.38
Keselamatan	4,977.15
Rumah Kebajikan/Pensatuan/Perubuhan	98.89
Koguanan Kerajaan/Badan Berkanan	1,180.22
Kemudahan Awam	196.35
TANAH LAPANG DAN REKREASI	3,793.66
Tanah Lapang	1,359.91
Kemudahan Sukan dan Rekreasi	287.48
Kawasan Hijau	2,146.25
TANAH KOSONG	30,108.31
Tanah Pembangunan	10,000.91
Tanah Tidak Sesuai	25,107.40
PERTANIAN	262,687.80
Tanaman	258,741.40
Perikanan	3,409.15
Akuakultur	537.35
INFRASTRUKTUR DAN UTILITI	5,960.50
Bekalan Elektrik	2,863.99
Bekalan Gas/Perubuhan	650.26
Bekalan Air	471.80
Pengajaran dan Paspasaran	1,366.09
Telekomunikasi	62.94
Penggunaan Sisa Pepejal	148.65
Pembetungan	369.22
Struktur Empangan	23.79
Rezab-Usrah	3.31
HUTAN	16,926.61
Hutan Simpan Kekal	12,790.66
Hutan Tanah Kersang	554.26
Kawasan Berhutan	3,575.60
PENGANGKUTAN	25,029.03
Pengangkutan Darat	1,103.08
Pengangkutan Air	90.87
Pengangkutan Udara	446.30
Jalan	23,385.71
PANTAI	2,709.43
Semulajadi	1,270.77
Buatan	1,428.63
BADAN AIR	11,135.64
Semulajadi	7,645.51
Buatan	3,490.00
JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN	414,423.80



GUNATANAH
Perumahan
Komersial
Industri
Institusi dan Kemudahan Masyarakat
Pengangkutan
Infrastruktur dan Utiliti

***NOTA:**
 -Keluasan Negeri Melaka Warta Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia adalah seluas 171,300.00 Hektar.
 -Keluasan Hutan Simpan Kekal Warta Jabatan Perhutanan Negeri Melaka adalah seluas 5,199.49 Hektar.
 (Jumlah keluasan petunjuk Negeri Melaka adalah berdasarkan kiraan automatik dari komputer menggunakan perisian Mapinfo)

Perbandingan Gunatanah Tepubina Negeri Melaka Tahun 2010, 2015 dan 2019

GUNATANAH	LUAS (EKAR)		
	TAHUN 2010	TAHUN 2015	TAHUN 2019
Perumahan	26,493.69	28,647.06	30,767.43
Komersial	2,067.51	2,378.04	5,150.25
Industri	5,823.86	6,039.45	6,118.14
Institusi dan Kemudahan Masyarakat	10,705.87	11,787.78	14,014.98
Pengangkutan	24,394.86	24,175.89	25,017.99
Infrastruktur dan Utiliti	2,667.65	3,358.48	5,957.99
JUMLAH	72,153.44	76,386.70	87,026.77

Jadual : Senarai Edaran Pelan Gunatanah Semasa (GTS) Negeri Melaka 2019

Edaran Pelan Gunatanah Semasa (GTS) Negeri Melaka 2019

PLANMalaysia@Melaka telah menjalankan inisiatif untuk membuat edaran Pelan Gunatanah Semasa Negeri Melaka 2019 kepada kepada 170 agensi di Negeri Melaka termasuklah kepada Sekolah Menengah untuk tujuan akademik bagi memperkenalkan dan mempromosikan Jabatan PLANMalaysia@Melaka di Negeri Melaka.

BIL	AGENSI	BILANGAN
1	Ketua Negeri Melaka	1
2	Jabatan Pentadbiran Am Negeri Melaka	30
3	Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka	4
4	Ketua Jabatan Persekutuan Negeri Melaka	39
5	Pegawai Badan Berkanun Negeri Melaka	7
6	Pegawai Badan Berkanun Persekutuan Negeri Melaka	8
7	Anak Syarikat Kerajaan Negeri	1
	Jumlah	90
8	Semua Sekolah Menengah di Negeri Melaka	80
	JUMLAH KESELURUHAN	170

Jadual : Perbandingan Kawasan Tepubina Negeri Melaka Berdasarkan Komponen Tepubina Mengikut Tahun 2010, 2015 dan 2019

5.10 APLIKASI MELGIS (*MELAKA GEOGRAPHIC INFORMATION SYSTEM*)

a) Pengenalan

Aplikasi Geoportal Perancangan JPBD Negeri Melaka telah dibangunkan pada tahun 2010 bertujuan bagi meningkatkan sistem penyampaian maklumat perancangan dan pengawalan gunatanah di Negeri Melaka secara elektronik di jabatan. Aplikasi Geoportal Negeri Melaka kemudiannya telah mengalami pembaharuan dan dinaiktaraf dari tahun ke tahun. Pada tahun 2014, Jabatan telah membuat perolehan untuk pembangunan menaiktaraf Aplikasi Geoportal Perancangan dan hasilnya Sistem Aplikasi MeLGIS (*Melaka Geographic Information System*) telah dibangunkan. Pada tahun 2019 dan 2020, Jabatan telah mendapat peruntukan bagi pembangunan MeLGIS seperti berikut :

- 2019 – Pembelian Aplikasi Mapinfo Mapextreme
- 2020 – Pembangunan Migrasi MeLGIS

b) Tujuan

Mewujudkan pangkalan data gunatanah perancangan dalam memastikan sistem pengurusan dan penyampaian maklumat yang berkualiti dan efisien seterusnya membantu memacu pembangunan yang komprehensif di Negeri Melaka.

d) Manfaat

Aplikasi ini sering menjadi rujukan oleh Kerajaan Negeri, pelbagai agensi di Negeri Melaka khususnya serta pelabur di seluruh Malaysia amnya untuk melihat tren pembangunan dalam membuat keputusan dasar, pemantauan, perancangan dan pelaburan.

c) Objektif

- Mewujudkan pangkalan data bersepadu yang teratur, *seamless* dan yang sentiasa dikemaskini.
- Sebagai sumber rujukan utama maklumat perancangan di Negeri Melaka.
- Penyeragaman, pengemaskinian, perkongsian, dan capaian maklumat dan data gunatanah perancangan secara atas talian.
- Membangunkan sistem aplikasi geospasial yang mesra pengguna, berinteraktif dan mudah difahami.

PENGIKTIRAFAN

PLANMalaysia

Kualiti Data Terbaik I-PLAN 2017

MelGIS Melaka Geographic Information System

 **PLANMalaysia**
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa)
KPKT

**PENILAIAN DATA I-PLAN
JAN – JUN 2017**

Mesyuarat Penyelarasan I-Plan Bil. 1/2018




ELEMEN PENILAIAN

i-plan

-  **KUALITI**
-  **TEPAT**
-  **TERKINI**
-  **LENGKAP**
-  **BERSEPADU**

SKOR PURATA (%)



KEKINIAN DATA

PLANMalaysia@Melaka sentiasa memastikan data-data di dalam Aplikasi MeLGIS adalah terkini dan tersedia untuk digunakan oleh semua golongan sasaran.

KETERSEDIAAN



- Data gunatanah yang telah dikemaskini dan dimuatnaik ke dalam sistem MeLGIS dan sedia dipaparkan dan diakses oleh pelbagai lapisan pengguna pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja.
- Data gunatanah semasa, komited dan zoning yang terdapat dalam sistem MeLGIS adalah dalam bentuk 'ready GIS'.



KUALITI



Kadar ketepatan data yang disediakan adalah tinggi berdasarkan kepada kualiti data yang 'bersih'.

MeLGIS
Melaka Geographic Information System

MENU Rancangan Pemajuan Mohd Radzi Bin Mohamad

GUNATANAH SEMASA GUNATANAH ZONING GUNATANAH KOMITED

Daftar sekarang untuk mengakses lapisan-lapisan dat

Pengenalan Data Muat Turun Penafian

Aplikasi MeLGIS (Melaka Geographic Information System) adalah merupakan satu inisiatif PLANMalaysia@Melaka bagi memastikan sistem penyampalan berkualiti yang berteraskan perancangan jangka panjang di dalam perkhidmatan perancangan bandar. Aplikasi ini juga selaras dengan hasrat menjayakan salah satu strategi ICT diperingkat Negeri Melaka. Melalui aplikasi ini, agensi-agensi Negeri Melaka serta orang awam boleh mengakses data geospasial dalam satu aplikasi yang sama secara atas talian (online).

Aplikasi ini memberi penekanan kepada aspek penggunaan tanah semasa dan zoning Negeri Melaka secara menyeluruh merangkumi Daerah Melaka Tengah, Alor Gajah dan Jasin. Konsep penggunaan dan perkongsian data geospasial juga mampu meningkatkan keseragaman dalam membantu agensi teknikal Negeri Melaka khususnya dalam merangka perancangan, polisi dan strategi pembangunan secara lebih berkesan.

PENGEMASKINIAN BERTERUSAN Sepanjang Masa

- Kelulusan Kebenaran Merancang (C1) dan pembangunan komited *Certificate of Compliance (CCC)* bagi pembangunan sediada yang diperolehi daripada Pihak Berkuasa Tempatan.
- Data-data lain seperti data utiliti, kawasan lapang warta dan sempadan DUN.

KEKINIAN

2 kali setahun



Mesyuarat dan bengkel pengemaskinian dan verifikasi data secara berintegrasi :

- Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN)
- PLANMalaysia Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS)
- Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Agensi-agensi dalaman yang lain

PEMBANGUNAN MIGRASI MeLGIS 2020

Matlamat pembangunan migrasi ini adalah untuk meningkatkan keupayaan MeLGIS ke arah *seamless* dalam pengemaskinian data secara *online* dengan efisien dan sistematik melalui migrasi *web engine* daripada *open source* kepada berlesen menggunakan perisian **Mapxtreme**.

Antara objektif pembangunan migrasi ini ialah :

- a) Memudahkan dan mempercepatkan pengemaskinian data Gunatanah
- b) Memudahkan kefahaman jelas berkenaan Klasifikasi Kod Gunatanah
- c) Menyediakan platform pengemaskinian data secara online dengan mewujudkan integrasi MeLGIS dengan pengkalan data dan E-Bayar secara online
- d) Membolehkan pengguna mengakses MeLGIS daripada peranti mudah alih

Pembangunan migrasi MeLGIS ini akan dilaksanakan selama lapan (8) bulan. Pembangunan sistem ini akan melibatkan skop-skop kerja seperti berikut :

- a) Penambahbaikan kepada Paparan Antara Muka *Graphic User Interface* (GUI) Sistem Aplikasi MeLGIS
- b) Pengintegrasian MeLGIS dengan Sistem dan Aplikasi sediaada
- c) Penyediaan Pangkalan Data (*Mirror*) dan integrasi *Web Feature Services* (WFS) bagi pengemaskinian data Gunatanah secara *online*
- d) Membangunkan Aplikasi *Dashboard* di dalam Modul Statistik dan Pelaporan Data GIS



- e) Pembangunan Mesra *Mobile MeLGIS* (*Mobile Friendly*)
- f) Sub-Modul Kamus jenis klasifikasi Kod Gunatanah
- g) *Transfer of Technology*
- h) Sistem Aplikasi MeLGIS Dwi Bahasa
- i) Subcription *Google Map* dan *Street View*
- j) Jaminan dan kerja-kerja Penyelenggaraan Sistem
- k) Penyediaan dokumentasi
- l) Menjalankan pengujian sistem
- m) Keselamatan maklumat

5.11 ZON EKONOMI PERSISIRAN PANTAI MELAKA (M-WEZ)



M-WEZ merupakan satu cadangan untuk membangunkan kawasan tambakan laut sedia ada seluas 15,000 ekar di sepanjang 22 km persisiran pantai Negeri Melaka. Kawasan ini akan dijadikan satu zon pembangunan ekonomi khas berasaskan pelancongan selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Melaka untuk menjadikan kawasan ini sebagai satu pemangkin pembangunan Negeri Melaka yang dicadangkan ditadbir oleh satu Pihak Berkuasa.

Berdasarkan kepada isu, masalah dan potensi pembangunan, cadangan M-WEZ merupakan satu permata bagi pembangunan di Negeri Melaka bagi tempoh 25 – 30 tahun akan datang agar kegemilangan Melaka dapat diulang semula dengan lebih terancang.

Justeru itu, cadangan M-WEZ dilihat sebagai salah satu platform dan potensi untuk melonjakkan ekonomi Negeri Melaka dengan lebih rancak setanding dengan Koridor Wilayah Ekonomi atau Zon Ekonomi yang sedia ada dengan mengambilkira kedudukan dan potensi Negeri Melaka.

a) TAPAK M-WEZ

M-WEZ terletak di kawasan atau zon tambakan laut sedia ada dengan keluasan kawasan cadangan ini adalah seluas 15,000 ekar bermula dari Pelabuhan Tanjung Beruas sehingga Umbai sepanjang 22 kilometer (rujuk Rajah 1.1).

Tapak cadangan difokuskan di antara kawasan Tanjung Kling, Melaka hinggalah ke Telok Mas dan Umbai, Melaka iaitu dalam lingkungan 22 KM di sepanjang Selat Melaka dan terletak dalam kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah. Ia mengunjur dari koordinat 2°13'00.34"N 102°09'07.62"E ke 2°09'27.41"N 102°19'08.68".


b) VISI

“Mewujudkan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Negeri Melaka atau dikenali sebagai M-WEZ berasaskan pelancongan untuk memacu pembangunan yang mampan, berdaya maju dan menggalakkan Industrial Revolution 4.0 (IR 4.0) dalam persekitaran mampan dan pintar untuk tarikan tempatan dan antarabangsa”.

M-WEZ merupakan satu Koridor Persisiran Pantai yang mana merupakan sebahagian daripada kawasan pembangunan Negeri Melaka yang berkeluasan 410,963.16 ekar. Ianya terletak di dalam Kawasan Pembangunan di dalam lima (5) komponen pembangunan yang dikenalpasti dalam RSN Melaka 2035.

Kerajaan Negeri melalui Mesyuarat MMKN Bil.14/2020 yang bersidang pada 26 Ogos 2020 telah bersetuju dengan cadangan penubuhan Zon Ekonomi Persisiran Pantai Melaka (M-WEZ). Pewujudan *Advisory Council* (Majlis Penasihat) telah dicadangkan di dalam memperkemas dokumen untuk diangkat kepada pihak Kerajaan Persekutuan. Dicapadangkan supaya perancangan ini dibantu oleh *Advisory Council* yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada ahli MTEN Melaka, Pegawai Persekutuan dan pihak swasta.

c) CADANGAN PELAN KONSEP M-WEZ



d) ILUSTRASI 3D CADANGAN PELAN KONSEP M-WEZ



e) ILUSTRASI TAMPAK PELAN KONSEP M-WEZ



Pandangan Hadapan




Pandangan Belakang



Pandangan Kanan



Pandangan Kiri



Pandangan Perspektif

6.0 PENUTUP

PLANMalaysia@Melaka
جائزہ فریڈیشن بندر دان دیسانکے
IBATIM PERANCANGAN BANDAR
DESA NEGERI MELAKA



یو جات کلابیراں
PEJABAT PENTADBIRAN
ایونٹ-ایونٹ تکمال
UNIT-UNIT TEKNIKAL



PLANMalaysia@Melaka

6.0

6.1 KESIMPULAN

Monograf pada edisi ini menceritakan tentang produk-produk jabatan yang telah berjaya dihasilkan oleh Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Penerbitan monograf ini memberi manfaat kepada umum, agensi-agensi kerajaan dan juga pihak swasta dalam menjadikan asas kepada perancangan dan pembangunan yang lebih berdaya saing khususnya di Negeri Melaka.

Dengan adanya info seperti ini secara tidak langsung dapat memberi gambaran asas kepada orang ramai dan boleh diperolehi secara lebih jelas daripada Jabatan PLANMalaysia@Melaka.

Orang awam yang ingin mendapatkan keterangan dengan lebih lanjut boleh berurusan di kaunter jabatan PLANMalaysia@Melaka, aras 5, Wisma Negeri, Ayer Keroh, Melaka.

Secara kesimpulannya, terdapat sebelas (11) input jabatan yang diterangkan secara asas di dalam monograf ini :-

- Rancangan Struktur Negeri (RSN) Melaka 2035
- Draf Rancangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (RTMBMB) 2035 (Penggantian)
- Draf Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanjung Bidara - Pengkalan Balak
- Penerbitan Monograf Jabatan : Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*)
- Buletin Tahunan Jabatan
- *Coffee Table Book* (CTB) Imej Bandar Masjid Tanah, Alor Gajah
- Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Melaka Edisi 2
- Data Spatial Sempadan MPKK dan Kampung Negeri Melaka
- Guna Tanah Semasa Negeri Melaka 2019
- Aplikasi MeLGIS (*Melaka Geographic Information System*)
- Zon Ekonomi Pesisiran Pantai Melaka (M-WEZ)





6.2 PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Pihak PLANMalaysia@Melaka (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Melaka) ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri Melaka, semua jabatan-jabatan teknikal, agensi-agensi Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka, semua pegawai dan kakitangan PLANMalaysia@Melaka serta mana - mana individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbang tenaga dan idea bagi menjayakan penerbitan Monograf PLANMalaysia@Melaka 2020.

KULIT REPORT



MONOGRAF 2020